

29 DEC 2001

Mahathir-Ma'unah

KEPUTUSAN MAHKAMAH TERHADAP AL-MA'UNAH ADALAH PROSES KEADILAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak pernah bertolak ansur terhadap tindakan ganas seperti yang dilakukan kumpulan Al-Ma'unah dan rakyat haruslah sedar akan akibat undang-undang yang menanti mereka yang melakukannya.

Semasa diminta mengulas hukuman mati dan penjara sepanjang hayat yang dikenakan terhadap 19 anggota Al-Ma'unah kerana melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong, beliau berkata: "Kerajaan tidak pernah bertolak ansur terhadap tindakan sedemikian. Rakyat patut tahu."

Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) dan presiden Umno berkata demikian pada satu sidang akhbar selepas merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia ke-48 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Semasa ditanya sama ada beliau gembira dengan hukuman itu, Perdana Menteri berkata ia bukan soal suka atau gembira.

"Saya tidak kata yang saya gembira. Saya tidak gembira apabila seseorang itu dihukum mati. Ini merupakan satu keputusan. Ia bukan soal kegembiraan atau suka hati atau apa-apapun. Ia merupakan soal mendukung keadilan," katanya.

Mereka yang dihukum mati ialah ketua kumpulan Al-Ma'unah Mohamed Amin Mohamed Razali, orang kanannya Zahit Muslim dan ketua wilayah utara kumpulan itu Jamaluddin Darus.

Kesalahan itu dilakukan di tiga tempat di Perak -- dua di Gerik, Hulu Perak dan ketiga Bukit Jenalek, Sauk di Kuala Kangsar. Detektif Korporal R. Saghadevan dan Truper Matthew Medan telah ditembak di Bukit Jenalek.

Dr Mahathir berkata: "Saya fikir keluarga orang yang telah dibunuh itu tentulah berasa di negara kita ini terdapat keadilan tidak kira kaum atau agama.

Katanya Malaysia diperintah mengikut undang-undang yang dikuatkuasa tanpa membezakan sesiapa sama ada mengikut kedudukan, agama atau bangsa.

Dr Mahathir berkata beliau akur dengan keputusan mahkamah itu dan semua pihak juga perlu menghormatinya.

"Saya ikut sahaja apa yang diputuskan oleh mahkamah. Walaupun kadang-kadang kita berasa tak senang hati, kita (perlu) akur keputusan mahkamah kerana ini proses keadilan dalam negara kita," katanya.

Ditanya mengenai perkembangan terkini bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao Nur Misuari, beliau berkata tiada perubahan dalam rancangan kerajaan untuk menghantarnya balik ke Filipina walaupun anggota keluarganya dilaporkan membuat rayuan.

Misuari ditangkap pada 24 Nov di Pulau Jampiras dekat Sabah kerana memasuki Malaysia secara haram ketika dilaporkan melarikan diri dari selatan Filipina selepas didakwa melancarkan perang terhadap Manila.

"Rayuan oleh anggota keluarga bukanlah bagi kita yang menentukannya kerana ini adalah janji kita bahawa sesiapa yang terlibat dengan kegiatan sedemikian tidak akan diberi perlindungan," kata Dr Mahathir.

Mengulas gesaan Pergerakan Pemuda Umno supaya kerajaan menyiasat latar belakang peguam Misuari, Elly Velez Lao Pamatong, Dr Mahathir berkata: "Kita pun nak tahu jugalah, kalau dia campurtangan, kita nak tahu dia siapa."

Menyentuh pemberian wang ihsan kepada rakyat di Terengganu dan Kelantan, Dr Mahathir berkata PAS sentiasa memutarbelitkan apa yang

dilakukan oleh kerajaan persekutuan.

Mengenai MCA, beliau berkata parti-parti komponen Barisan Nasional tidak sepatutnya bergaduh kerana ini akan melemahkan mereka.

"Adalah suatu yang baik apabila nampaknya sekarang mereka (anggota MCA yang bermusuhan) sedang bersatu. Mereka mahu bekerjasama untuk memastikan kita menang dalam pilihan raya Indera Kayangan. Jadi ini suatu yang baik bagi BN. Itulah semangat BN," katanya.

-- BERNAMA

MAM AFY RON